



31 Oktober 2017
31 October 2017
P.U. (A) 332

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 6) 2017

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (FEDERAL ROADS) (NO. 6) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 6) 2017**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 481/2017 yang disiarkan pada 16 Oktober 2017, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta itu, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 6) 2017.**

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2017.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Tempoh Larangan</i>
Sebahagian Laluan 5 Jalan Kampung Kayan-Teluk Intan (Jambatan Sultan Yusuf) di Seksyen 571.2 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Sabak Bernam ke Manjung dan sebaliknya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Mulai 1 November 2017